



“Biji sesawi adalah kecil, namun Yesus berkata bahawa iman sebesar ini, kecil tetapi benar dan ikhlas, cukup untuk mencapai apa yang mustahil bagi manusia, tidak terfikir.”

Paus Fransiskus

Ayat Suci Minggu ini:

Habakkuk 1: 2-3, 2: 2-4

Mazmur 94: 1-2, 6-9

2 Timotius 1: 6-8, 13-14

Lukas 17: 5-10

Walaupun Allah melakukan keajaiban melalui kita, dengan iman sebesar biji sesawi, kita harus tahu bahawa bahagian kita dalam rencana Allah adalah anugerahNya kepada kita—tidak lebih, tidak kurang. Apabila kita bekerjasama dengan Allah, apa yang kita lakukan tidak lebih daripada kewajiban kita kepada Allah sebagai pengurus yang setia. **Dan iman kita membolehkan kita percaya bahawa apa yang telah kita persembahkan dalam pelayanan kepada Allah, sebagai hambaNya, dapat menghasilkan buah seratus kali ganda.** (Diuraikan daripada laman web Loyola Press)

Dengan ini semua pemimpin dalam Gereja dipanggil untuk melayani. Seperti dalam Matius 20:25-26, Yesus berkata, "Kamu tahu, bahwa pemerintah-pemerintah bangsa-bangsa memerintah rakyatnya dengan tangan besi dan pembesar-pembesar menjalankan kuasanya dengan keras atas mereka. Tidaklah demikian di antara kamu. Barangsiapa ingin menjadi besar di antara kamu, hendaklah ia menjadi pelayanmu..."

Hari ini juga menandakan Minggu Para Migran dan Pegungsi Sedunia. Paus Leo XIV dalam perutusannya baru-baru ini pada 25 Julai merungut situasi global semasa yang ditandai dengan peperangan, keganasan, ketidakadilan dan peristiwa cuaca ekstrem, yang memaksa berjuta-juta orang meninggalkan tanah air mereka untuk mencari perlindungan di tempat lain. "Dalam dunia yang digelapkan oleh peperangan dan ketidakadilan, walaupun semuanya kelihatan hilang, para migran dan pengungsi berdiri sebagai pembawa harapan. Keberanian dan ketabahan mereka memberikan kesaksian heroik kepada kepercayaan yang melihat di luar apa yang dapat dilihat oleh mata kita dan memberi mereka kekuatan untuk menentang kematian di pelbagai laluan penghijrahan kontemporari."

Marilah kita berdoa agar semasa kita menjalani kehidupan, kita boleh terus menjadi pelayan yang setia dalam pelayanan kita kepada Allah dan satu sama lain membawa harapan kepada dunia. Walaupun ketidakadilan datang menghampiri kita, marilah kita berpegang pada janji Tuhan dalam bacaan pertama bahawa semua perkara akan digenapi, "...jika ia datang perlahan-lahan, tunggu, kerana ia akan datang, tanpa gagal."✝

Diterbitkan oleh: Archdiocesan Pastoral Institute (API) | Emel: api@archkl.org

EDARAN DALAMAN SAHAJA
BUL 40/2025

NEWBEC

NEW WAY OF BEING CHURCH | Hari Minggu Biasa ke-27 | 5 Oktober 2025
(Hari Para Migran dan Pengungsi Sedunia)

MERAYAKAN, MENDENGAR & BERJALAN BERSAMA SEBAGAI PENZIARAH HARAPAN

**FOKUS BULANAN
DAN RASIONAL
MASYARAKAT (PROFETIK)
DIPANGGIL UNTUK
MEMPERKUKUH NILAI INJIL**



Iman yang Melayani

Dalam Injil hari ini, kita mendengar para rasul berseru untuk meningkatkan iman. Ini mendorong Yesus untuk mengajar tentang iman dan pelayanan kepada Allah. Ia adalah dialog tentang apa yang dimaksudkan dengan menjadi muridNya. Yesus meyakinkan kita bahawa iman, tidak kira betapa kecilnya, akan membolehkan kita, sebagai pengikut Yesus, melakukan perkara-perkara yang menakjubkan. Tetapi Yesus juga mengingatkan bahawa kita harus tahu tempat kita dalam rencana Allah. Kita harus memahami diri kita sebagai hamba kepada Allah dan rencanaNya.